

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR.  
MAHATHIR [JERLUN]**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2019 ( RABU )**

**SOALAN NO. 25**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah untuk memperkasakan institusi pendidikan Sekolah Agama Rakyat (SAR), Pondok dan Maahad Tahfiz :-

- a) apakah langkah-langkah pemerkasaan tenaga pengajar SAR, Pondok dan Maahad Tahfiz dan apakah rintangan yang dihadapi untuk mengarusperdanakan SAR, Pondok dan Maahad Tahfiz dalam sistem pendidikan kebangsaan ; dan
- b) adakah JAKIM bercadang untuk mewujudkan suatu skim gaji atau elauan khas untuk guru-guru SAR, Pondok dan Maahad Tahfiz.

**JAWAPAN: (YB PUAN HAJJAH FUZIAH SALLEH, TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

**a)**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan sentiasa prihatin, membela dan menyokong institusi pendidikan agama termasuk Sekolah Agama Rakyat (SAR), sekolah pondok dan institusi tahfiz yang turut sama menyumbang kepada pembangunan modal insan negara.
2. Sekolah Agama Rakyat (SAR), sekolah pondok dan institusi tahfiz merupakan milik individu/komuniti, maka sudah tentu peranan yang dimainkan oleh Kerajaan terhadap sekolah-sekolah berkenaan tidak dapat dilaksanakan secara sepenuhnya. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap perkembangan sekolah-sekolah berkenaan.
3. Oleh itu, antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan ialah:

**(i) Aspek Dasar**

- (a) Pembentukan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) yang bertujuan untuk dijadikan sebagai dokumen rujukan dalam pengurusan pendidikan tahfiz di seluruh Malaysia.
- (b) Pewujudan Majlis Tahfiz Negara (MTN) yang bertujuan untuk mengawal selia aspek pengiktirafan para huffaz dan institusi tahfiz

**(ii) Pemerkasaan SAR**

Dalam usaha Kerajaan untuk mengarusperdanakan SAR, Kerajaan telah memperkenalkan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Oleh itu, SAR boleh menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan KPM sebagai SABK yang membolehkan Kerajaan menyediakan perjawatan guru, latihan kepada guru, bantuan kepada sekolah, pelajar dapat mengikuti aktiviti KPM dan pembangunan infrastruktur. Pada tahun 2019, buat pertama kalinya Kerajaan telah menyediakan peruntukan khusus kepada SAR dan sekolah agama persendirian sebanyak **RM25 juta** yang disalurkan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

**(iii) Pemerkasaan Pondok**

Walaupun pengurusan institusi pondok adalah agak kompleks dari aspek pengurusannya, Kerajaan juga memberi pengiktirafan kepada institusi pondok ini kerana sumbangannya kepada pembangunan modal insan negara iaitu dengan memberi peruntukan kewangan khusus bagi tujuan menaik taraf infrastruktur dan meningkatkan tahap keselamatan.

4. Bagi tujuan pemerkasaan tenaga pengajar SAR, pondok dan institusi tafhib, pada tahun 2019 sebanyak **247 siri** latihan telah dirangka bagi memperkasa tenaga pendidikan di Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Agama Negeri, sekolah pondok dan institusi tafhib serta guru dan Penyelia Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) melibatkan seramai **11,537 orang**.
5. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah bekerjasama dengan agensi pelaksana latihan iaitu Institut Aminudin Baki (IAB), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) dan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM).

6. Latihan yang diberikan adalah bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kompetensi tenaga pengajar, dan kepimpinan kepengetuaan dalam pengurusan institusi pendidikan. Selain itu, latihan dan bimbingan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) juga diberikan bagi memberi kefahaman, kesedaran, mengenal pasti ancaman dan pengurusan risiko berkaitan keselamatan dan kesihatan khususnya bagi institusi tahfiz dan pondok.

7. Selain daripada itu, pihak Kerajaan juga menyediakan peluang kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Negeri (SAN) untuk mendaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Ia bertujuan memperkasakan sekolah-sekolah agama dan banyak kelebihan akan diperolehi oleh sekolah, guru dan pelajar.

Tuan Yang di-Pertua,

**b)**

8. Seperti yang dimaklumkan di peringkat awal tadi, oleh kerana pengurusan SAR, pondok dan institusi tahfiz adalah di bawah kelolaan pihak individu/komuniti, justeru skim gaji atau elauan khas untuk guru-guru SAR, Pondok dan Maahad Tahfiz adalah di bawah tanggungjawab pihak berkenaan.

Sekian, terima kasih.